

Membangun rakyat melalui Sektor Pertanian



Menuju ke arah pembangunan mampan, kerajaan meningkatkan usaha membangun negara melalui sektor pertanian. Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha, dalam ucapannya pada 31 Ogos 2018, menggambarkan pertanian sebagai asas penting bagi Thailand.

Beliau mengatakan bahawa sektor pertanian tidak dapat diperkukuhkan tanpa proses memajukan petani untuk berdikari. Hari ini, promosi pertanian Thailand dilakukan terutamanya melalui kumpulan petani dan pertubuhan petani.

Perdana Menteri mengatakan bahawa banyak kumpulan petani dalam negara telah diperkukuhkan. Sebagai contoh, sekarang ini terdapat lebih dari satu juta "petani pintar", dan hampir 8,000 petani pintar belia dikembangkan untuk meningkatkan potensi mereka.

Terdapat juga 75,000 sukarelawan pertanian kampung, 20,000 kumpulan isteri petani, dengan 480,000 anggota, dan lebih daripada 160,000 anggota kumpulan petani belia. Begitu juga, sejumlah pusat pembelajaran untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran pertanian turut dibentuk, dengan hampir 900 petani model.

Mengenai dengan dasar padi, Perdana Menteri mengatakan bahawa kerajaan mendorong para petani untuk membentuk kelompok mereka bagi pertanian berskala besar untuk mengurangi kos pengeluaran mereka, meningkatkan pengeluaran dan menghubungkan pemasaran padi dengan pengeluaran. Beliau berkata kebanyakan petani berpuas hati dengan kelompok pertanian berskala besar, yang membolehkan mereka memperoleh pendapatan lebih dan meningkatkan kecekapan penghasilan mereka.

Perdana Menteri menamakan tahun ini sebagai satu lagi tahun emas bagi beras Thailand. Tahun lepas, Thailand mengeksport 11.630.000 tan beras bernilai 193 bilion baht. Bagi tahun ini, Thailand dijangka akan mengeksport sekurang-kurangnya 10 juta tan beras.

Thailand juga mengeksport 70,000 tan mangga, menjana lebih daripada tiga bilion baht. Banyak tanaman lain turut membawa pendapatan yang agak besar kepada negara, seperti durian, longan, manggis, kopi, dan orkid.

Beliau menegaskan semua mereka yang terlibat perlu bekerjasama dalam melaksanakan dasar “pemasaran memimpin pengeluaran” (marketing leads production) bukan sahaja untuk beras tetapi juga tanaman lain. Jabatan Pengembangan Pertanian terus memberi tumpuan kepada menambah nilai yang lebih tinggi kepada produk pertanian melalui penggunaan teknologi pengeluaran.

Tarikh Diterbitkan: 6 September 2018